

*Selesai Yang
Lama
Mula Yang
Baharu*



Penyahsenaraian KNM daripada Bursa Malaysia pada 5 November 2025 menandakan satu pengakhiran dan juga permulaan baharu bagi konglomerat kejuruteraan itu yang sudah lama dibebani masalah. Para pemegang saham dilihat menerima langkah itu sebagai keperluan bagi menstabilkan syarikat, memberi ruang kepada KNM untuk menarik nafas dan membina semula kedudukannya seperti zaman kegemilangannya dahulu.

AKHIRNYA, KNM MENEKAN BUTANG 'RESET'

Pagi Khamis di Mines Resort City. Cuaca cerah. Sinar mentari berkilauan di permukaan tasik, menjadikan airnya beriak-riak seperti gelas perak. Di dalam bilik mesyuarat, kira-kira lima puluh pemegang saham KNM Group Berhad (KNM) mula mengambil tempat untuk menghadiri Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang pastinya berbeza daripada yang pernah diadakan sebelum ini.

Pada ketika itu, KNM telah pun dinyah senarai daripada Bursa Malaysia. Kod sahamnya hilang daripada skrin sehari sebelumnya, namun Syarikat masih belum bersedia menutup buku. EGM pagi itu bakal menentukan nasib aset KNM yang paling berharga iaitu Deutsche KNM GmbH (DKNM), syarikat induk kepada Borsig GmbH, nama yang suatu ketika dahulu menjadi lambang zaman kegemilangan KNM.

Soalan yang dibentangkan kepada pemegang saham nampak mudah: Adakah KNM perlu meneruskan penjualan DKNM kepada NGK Insulators Ltd dari Jepun pada harga €270 juta? Bagaimanapun, di sebalik persoalan itu tersembunyi kisah cita-cita, cabaran dan kelangsungan sepanjang dua dekad. Inilah helaian panjang sebuah cerita yang kini kembali ke titik asalnya.

Daripada Keghairahan Kepada Beban

Untuk memahami betapa pentingnya detik itu, kita imbas kembali ke tahun 2008. Ketika itu KNM sedang meningkat naik sebagai sebuah konglomerat kejuruteraan yang penuh keyakinan. Mereka mencuri perhatian apabila mengambil alih Borsig GmbH dari Jerman dengan harga €350 juta, satu langkah berani yang meletakkan Malaysia di atas peta industri global. Pengambilalihan itu dengan segera meluaskan jejak KNM ke Eropah, membawa bersama-samanya ketepatan kejuruteraan Jerman dan prestij berusia seabad. Pada era kemuncaknya, Borsig menyumbang lebih 80 peratus daripada pendapatan keseluruhan KNM.

Namun, pertumbuhan yang bersandarkan pinjaman selalunya goyah. Harga minyak mentah yang tidak menentu, projek baharu yang perlahan serta kos pembiayaan yang meningkat menekan aliran tunai KNM. Hutang yang dahulunya terkawal mula menjadi beban dek tekanan pasaran. Menjelang 2021, kumpulan ini gagal membayar bon berdenominasi baht Thailand yang bernilai kira-kira RM347 juta pada masa itu. Kegagalan ini mencetuskan kesan berantai - kekangan tunai, teguran audit dan akhirnya klasifikasi di bawah Nota Amalan 17 (PN17) sebagai syarikat yang berdepan masalah kewangan serius.

Rentetan daripada peristiwa itu, selama dua tahun syarikat bergelut dengan usaha pemulihan, dengan perintah sekatan, pelan perniagaan baharu, perubahan pengurusan dan beberapa kali bertukar penasihat kewangan. Namun setiap usaha terbantut oleh halangan utama iaitu beban hutang yang besar serta aliran tunai yang kian merosot.

Usaha Mencari Talian Hayat

Pihak pengurusan KNM sekian lama melihat Borsig sebagai asetnya yang paling berharga dan satu-satunya peluang untuk bertahan. Pada tahun 2022, Kumpulan memulakan cubaan menjual anak syarikat Jerman itu kepada sebuah syarikat khas pelabur tempatan pada harga €220 juta, tetapi urusan niaga itu gagal disempurnakan. Cadangan Kumpulan untuk menyenaraikan Borsig di Bursa Singapura juga tidak kesampaian disebabkan oleh keadaan pasaran dan isu berkaitan masa.

Kemudian, pada awal tahun 2025, muncul sinar baharu. NGK Insulators Ltd, sebuah syarikat Jepun yang juga pemain global dalam sistem teknologi tenaga dan seramik berusia seabad, menawarkan €270 juta atau kira-kira RM1.26 bilion, untuk memperoleh DKNM dan anak-anak syarikat Borsig dibawahnya. Rundangan berlangsung selama beberapa bulan, tetapi matlamatnya jelas. Inilah tunjang kepada pelan penstrukturan semula KNM yang dinanti-nantikan.

Di bawah perjanjian jual beli, NGK akan membayar 88% secara tunai selepas selesai urusan niaga tersebut, manakala bakinya sebanyak 12% (kira-kira €32 juta) akan disimpan dalam akaun eskrow selama lima tahun bagi menampung sebarang liabiliti atau tuntutan jaminan. Urusan niaga ini digambarkan oleh pengarah sebagai bukan bermotifkan keuntungan, tetapi soal kelangsungan. Iaitu jalan paling praktikal bagi menangani hutang berjumlah RM1.33 bilion di bawah skim pengaturan yang diluluskan oleh Mahkamah (*Scheme of Arrangement*, SOA).

KNM GROUP - KRONOLOGI PERISTIWA UTAMA

3 Disember 2021

KNM gagal membayar balik bon dalam denominasi Thai baht bernilai THB2.78 bilion (bersamaan kira-kira RM347 juta ketika itu) yang matang pada 18 November 2021.

Mei 2022

Cadangan penjualan Borsig (melalui Deutsche KNM GmbH) kepada GPR Siebzigste Verwaltungsgesellschaft mbH (GSV) dengan harga €220.8 juta.

31 Oktober 2022

Dikelaskan sebagai Syarikat Tersenarai Terjejas di bawah PN17 disebabkan oleh ketidaktentuan berhubung kemampuan untuk beroperasi secara berterusan.

Disember 2022

Penjualan Borsig kepada GSV gagal; cadangan penyenaraian Borsig di SGX juga tidak berjaya.

27 Februari 2025

Memeterai Perjanjian Jual Beli Bersyarat (SPA) dengan NGK Insulators Ltd bagi penjualan Deutsche KNM GmbH (DKNM, syarikat induk Borsig) dengan harga €270 juta.

9 Jun 2025

Mengumumkan Mesyuarat Pemiutang atas arahan Mahkamah (*Court Convened Creditors Meeting*, CCCM) pada 11 Ogos 2025 untuk mengundi Skim Pengaturan (SOA).

11 Ogos 2025

SOA diluluskan oleh lebih 75% pemiutang KNM dan KNMPS.

19 Ogos 2025

Mengumumkan Cadangan Pelan Penyusunan Semula yang merangkumi:

- Penjualan DKNM dengan harga €270 juta
- Pengurangan modal saham di bawah Seksyen 116, Akta Syarikat 2016
- Penggabungan saham 4 kepada 1

27 Ogos 2025

Mengemukakan Cadangan Pelan Penyusunan Semula kepada Bursa Malaysia.

Keputusan kewangan DKNM bagi tahun kewangan 2024 menunjukkan paradoks yang menyakitkan: pendapatan mencecah €254 juta, dengan EBITDA sebanyak €39 juta, menandakan pemulihan yang kukuh. Bagaimanapun, pelupusan pada gandaan nilai enam kali EV/EBITDA DKNM ini masih di bawah purata syarikat setara di Eropah. Dalam situasi KNM, masa lebih penting daripada penilaian. Wang tunai sebenar pada hari ini jauh lebih bernilai daripada yang dijanjikan pada hari esok.

Halangan Peraturan dan Jalan Menuju Penyahsenaraian

Ketika perjanjian itu semakin hampir dimuktamadkan, KNM berdepan pula dengan halangan pihak pengawal selia. Bursa Malaysia mempersoalkan kemampuan Syarikat untuk mengekalkan operasi utama selepas menjual unitnya yang terbesar dan paling menguntungkan.

Pada masa yang sama, pemegang saham utama iaitu MAA Group Berhad (MAAG) menuntut supaya diadakan EGM bagi membolehkan pemegang saham mengundi sendiri urusan niaga tersebut. Bursa kemudiannya mengingatkan bahawa pelupusan itu diklasifikasikan sebagai pelupusan berskala besar yang lazimnya memerlukan penasihat utama, penasihat bebas serta laporan penilaian bebas.

Keadaan semakin tegang apabila Bursa Malaysia memfailkan tindakan undang-undang di Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan penjelasan sama ada KNM boleh meneruskan penjualan Borsig sebelum memperoleh kelulusan penuh daripada pihak pengawal selia.

3 Oktober 2025

Bursa Malaysia menolak pelan itu. Memberi amaran bahawa KNM akan dinyah senarai pada 5 Nov 2025 jika tiada rayuan difailkan sebelum 2 Nov 2025.

7 Oktober 2025

MAA Group Berhad (MAAG, pemegang saham 16.45%), meminta supaya diadakan EGM bagi meluluskan penjualan DKNM.

8 Oktober 2025

KNM mengemukakan rayuan terhadap keputusan Bursa Malaysia; proses nyah senarai ditangguhkan. Notis EGM dikeluarkan susulan permintaan MAAG.

9 Oktober 2025

Lembaga Pengarah umumkan mereka tidak dapat mengadakan EGM; MAAG memutuskan untuk mengadakannya sendiri.

23 Oktober 2025

Bursa Malaysia mengeluarkan Nasihat Pengawal Selia (*Regulatory Advisory*) yang menyatakan pelan itu ditolak & rayuan masih tertakluk di bawah Perenggan 8.04(3A) MMLR, dan penjualan itu diklasifikasikan sebagai urusan niaga utama yang memerlukan pelantikan penasihat, penilaian dan kelulusan pekeliling.

27 Oktober 2025

KNM menarik balik rayuan; Bursa sahkan nyah senarai berkuat kuasa 5 November 2025.

28 Oktober 2025

KAF Investment Bank letak jawatan sebagai Penasihat Utama. Bursa failkan Saman Pemula terhadap MAAG, CIMSEC, KNM dan KNMPS bagi menghalang EGM dijalankan sehingga syarat pematuhan dipenuhi.

29 Oktober 2025

Mahkamah Tinggi benarkan EGM diteruskan; tiada injuksi diberikan.

30 Oktober 2025

EGM diadakan; usul untuk menangguhkan mesyuarat diluluskan oleh para pemegang saham.

6 November 2025

EGM ditangguhkan.

Bursa menegaskan bahawa pelupusan itu adalah sebahagian daripada pelan penstrukturan PN17 yang tertakluk di bawah pengawasan mereka. KNM pula berhujah bahawa urus niaga itu perlu disegerakan demi memenuhi tuntutan pemiutang dan mengelakkan kemerosotan lanjut terhadap kedudukan kewangan syarikat.

Walaupun prosiding mahkamah untuk meluluskan SOA masih berjalan, KNM tetap meneruskan langkahnya. Masa memainkan peranan penting dan Syarikat menegaskan bahawa sebarang kelewatan boleh menjejaskan perjanjian dengan pemiutang.

Menjelang akhir Oktober, KNM menarik balik rayuannya kepada Bursa dan terus membuat persiapan untuk EGM. Pada 5 November 2025, Bursa Malaysia secara rasmi menyahsenarai KNM daripada Pasaran Utama. EGM Syarikat diteruskan sebagai entiti persendirian, satu langkah luar biasa yang mencerminkan keunikan perjalanan syarikat ini.

EGM di Mines Resort City

Pada hari EGM, pemegang saham tiba awal pagi. Mereka saling bertegur sapa dan berbual ringkas sebelum mengambil tempat masing-masing. Wakil daripada MSWG turut hadir sebagai pemerhati. Tiada ketegangan, hanya kesedaran bahawa mesyuarat ini menandakan titik penting dalam usaha penstrukturan panjang KNM.

Syarikat menjelaskan bahawa pelupusan ini penting bagi melengkapkan penstrukturan semula dan menyelesaikan hutang Kumpulan yang berjumlah RM1.33 bilion. Kira-kira tiga perempat daripada hasil jualan ini akan digunakan untuk membayar balik hutang di bawah SOA, manakala selebihnya bagi menampung kos urus niaga dan modal kerja.

Soalan daripada pemegang saham bersifat kritikal tetapi beradab dan berhemah. Mereka menumpukan kepada penilaian, masa urus niaga dan hala tuju perniagaan selepas ini. Lembaga Pengarah memberikan jaminan bahawa anak syarikat tempatan, Borsig Boiler Systems Sdn Bhd dan KNM Borsig Services Sdn Bhd, akan terus beroperasi dan menjadi asas kepada struktur baharu Kumpulan yang lebih ringkas.

Apabila usul ini dibawa ke proses undian, 71 pemegang saham mengambil bahagian. Keputusannya jelas; 93.7% bersetuju. Usul ini diluluskan dan dengan itu, KNM melangkah ke fasa seterusnya.

Maksud Sebenar Penjualan Ini

Dengan kelulusan itu, proses pelaksanaan kini bermula. KNM dijangka merekodkan kerugian perakaunan sebanyak kira-kira RM104 juta, terutamanya disebabkan oleh kos urus niaga dan kesan pertukaran mata wang. Namun pelupusan ini akan mengurangkan beban hutang dan faedah dengan ketara. Selepas pelaksanaan, kunci kira-kira KNM dijangka jauh lebih ringan.

Dari sudut praktikal, tumpuan Syarikat akan beralih kepada operasi domestik dan kerjasama strategik. Unit yang masih kekal iaitu KNM Process Systems, Borsig Boiler Systems dan KNM Borsig Services, akan menjadi tunjang kepada model perniagaan baharu yang lebih tumpat, berfokus kepada fabrikasi, sistem tenaga dan perkhidmatan industri serantau. KNM juga berhasrat untuk bekerjasama dengan FBM Hudson Italiana S.p.A., berbekalkan pengalaman projek dan kepakaran teknikal mereka, untuk meneroka kontrak baharu di Asia.

Masih banyak langkah yang perlu disempurnakan, termasuk kelulusan pengawal selia untuk pemindahan luar negara serta pematuhan syarat akaun eskrow. Namun buat pertama kali dalam tempoh beberapa tahun, KNM dapat menumpukan perhatian untuk melaksanakan semua ini tanpa tekanan tarikh akhir yang ditetapkan oleh pasaran awam. Bebas daripada menunaikan kewajipan sebagai syarikat tersenarai, KNM kini boleh menstruktur semula syarikatnya tanpa hebahan umum dan mungkin juga mendapak kembali disiplin yang pernah mendorong kebangkitannya dahulu.

Selesai Satu Bab, Kita Mulakan Bab Baharu

Untuk pelabur lama, penjualan Borsig ini membawa dua makna. Satu pengakhiran kepada era KNM sebagai konglomerat tersenarai bertaraf global dan permulaan kepada entiti kejuruteraan persendirian dengan hutang yang lebih rendah serta fokus yang lebih terhad. Transformasi ini mungkin membawa kepada kebangkitan semula atau pengurangan tenaga kerja, namun ia sekurang-kurangnya memberikan sesuatu yang sudah lama didambakan oleh KNM iaitu ruang untuk bernafas.

Keputusan EGM menunjukkan kebanyakan pemegang saham memahami peralihan ini. Dengan pilihan yang terhad, mereka memilih kepastian berbanding spekulasi iaitu keputusan praktikal yang mencerminkan realiti kewangan syarikat. Hari itu berakhir tanpa sebarang drama, hanya perbualan tenang para pemegang saham yang masih bersantai di tepi tasik, sambil memerhati pantulan mentari petang di permukaan air.

Kisah perjalanan KNM memberikan pengajaran yang lebih luas. Betapa pentingnya keseimbangan antara pertumbuhan dengan pengurusan risiko, nilai ketelusan dalam mengekalkan keyakinan meskipun berdepan krisis, serta hakikat bahawa ketahanan korporat sering bergantung pada keupayaan untuk beradaptasi, dan bukannya keras kepala dan mengelak perubahan.

Penyahsenaraian ini mungkin telah memadam nama KNM daripada skrin dagangan, tetapi bukan kepentingannya. Operasi syarikat masih berjalan, tanggungjawabnya kekal dan semua pihak termasuk pemiutang, pekerja serta pemegang saham masih menunggu untuk melihat langkah seterusnya dalam fasa baharu Syarikat itu.

Penjualan Borsig bukan tanda menyerah, tetapi satu langkah 'reset'. Syarikat yang dahulunya menembusi pasaran global kini menumpukan semula ke dalam negara, mungkin lebih sederhana, tetapi masih bersemangat.

Hikayat korporat jarang berakhir dengan kemas. Mereka jatuh, bangun dan mencari rentak baharu. Kisah KNM tidak terkecuali. Fasa seterusnya akan berlangsung jauh daripada sorotan pasaran. Mungkin lebih senyap tetapi tidak kurang dengan pengalaman berharga. Dalam landskap korporat Malaysia, pengakhiran seperti ini bukan tentang kehilangan, tetapi perjalanan menemui semula diri kita selepas tirai pentas ditutup.

[TAMAT]

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
12.11.25 (Rabu) 09.00 pagi	Key Asic Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan lebih rendah sebanyak RM14.95 juta pada tahun kewangan 2025, turun 35% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan dalam perkhidmatan kejuruteraan berulang yang kekal sebagai penyumbang utama, merangkumi 74% daripada jumlah jualan. Segmen berulang ini hanya menjana keuntungan kecil sebanyak RM47,000, manakala segmen tidak berulang mencatatkan kerugian sebanyak RM4.98 juta, membawa kepada kerugian sebelum cukai sebanyak RM6.73 juta (tahun kewangan 2024: kerugian RM10.77 juta). Walaupun pendapatan secara keseluruhan lebih sederhana, Kumpulan berjaya memperoleh beberapa kontrak baharu, termasuk perjanjian reka bentuk cip AI bernilai RM13.1 juta, yang dijangka menjana pendapatan berulang kepada Kumpulan untuk tahun-tahun akan datang.
12.11.25 (Rabu) 11.00 pagi	Ucrest Berhad (AGM)	Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM18.1 juta pada tahun kewangan 2025, didorong terutamanya oleh segmen Platform Kesihatan Digital, iMedic™, yang menyumbang kira-kira 88% daripada jumlah pendapatan, manakala selebihnya diperoleh daripada perkhidmatan penyelenggaraan dan integrasi sistem. Keuntungan bersih meningkat kepada RM4.7 juta, disokong oleh margin segmen sebanyak 41% daripada iMedic™. Kumpulan kekal berada dalam kedudukan tunai bersih. Antara risiko utama

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		termasuk paras penghutang perdagangan yang tinggi, tumpuan kepada satu barisan produk, pergantungan terhadap inovasi yang berterusan dan pematuhan peraturan merentasi pelbagai pasaran dalam segmen penjagaan kesihatan.
12.11.25 (Rabu) 12.00 tengah hari	Ucrest Berhad (EGM)	Kumpulan mencadangkan penubuhan Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) sehingga 30% daripada jumlah saham terbitan kepada pengarah dan pekerja yang layak.
12.11.25 (Rabu) 11.00 pagi	Greenyield Berhad (EGM)	Kumpulan mencadangkan pemecatan dan pelantikan pengarah baharu untuk Greenyield Berhad. Sebanyak lapan Resolusi Biasa akan dibentangkan semasa EGM iaitu satu (1) resolusi untuk memecat seorang pengarah dan tujuh (7) resolusi untuk pelantikan pengarah baharu.
13.11.25 (Khamis) 10.00 pagi	Sime Darby Berhad (AGM)	Sime Darby melaporkan keuntungan bersih sebanyak RM2.06 bilion dan keuntungan bersih teras sebanyak RM1.17 bilion pada tahun kewangan 2025, jauh lebih rendah berbanding dengan RM3.31 bilion dan RM1.32 bilion yang direkodkan pada tahun kewangan 2024. Keuntungan yang lebih rendah ini disebabkan oleh keuntungan pelupusan yang lebih kecil, sebanyak RM810 juta daripada penjualan tanah Malaysia Vision Valley (MVV) dalam tahun kewangan 2025, berbanding dengan RM2.01 bilion daripada penjualan Ramsay Sime Darby Health Care (RSDH) dan RM250 juta daripada pelupusan tanah MVV pada tahun kewangan 2024. Keuntungan teras yang menyusut pula berpunca daripada keadaan pasaran yang mencabar dalam bahagian kenderaan bermotor, walaupun sumbangan setahun penuh daripada bahagian UMW sedikit sebanyak membantu mengimbangi kesan tersebut.
13.11.25 (Khamis) 10.00 pagi	Samaiden Group Berhad (AGM)	Kumpulan mencapai pendapatan tertinggi dalam sejarah sebanyak RM353.47 juta pada tahun kewangan 2025, meningkat 55.6% tahun ke tahun daripada RM227.19 juta pada tahun sebelumnya, sebahagian besarnya dipacu oleh perkhidmatan Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC) serta pemilikan aset.

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		Keuntungan bersih turut meningkat 24.6% kepada RM20.08 juta berbanding dengan RM16.11 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan dalam perolehan ini disumbangkan oleh penyiapan dan kemajuan dalam projek Solar Berskala Besar (<i>Large Scale Solar, LSS</i>), Program Tenaga Hijau Korporat serta segmen bumbung komersial dan industri. Prospek segmen EPCC kekal kukuh, disokong oleh projek solar berskala besar terbesar Samaiden setakat ini iaitu projek solar 99.99 MWac di bawah LSS5 (Kelantan) dan LSS5+ (Johor), yang dijangka dapat menjana pendapatan berjangka panjang (untuk tempoh beberapa dekad) serta aliran tunai yang stabil di bawah perjanjian pembelian tenaga (<i>power purchase agreement, PPA</i>) selama 21 tahun sebaik sahaja siap dan mula beroperasi.
13.11.25 (Khamis) 12.00 tengah hari	Samaiden Group Berhad (EGM)	Kumpulan mencadangkan pembelian dua lot tanah pegangan pajakan selama 99 tahun di Teluk Intan, Perak yang berkeluasan 185.57 hektar daripada Kelapa Sawit (Teluk Anson) Sdn Bhd pada harga tunai RM45.5 juta.
14.11.25 (Jumaat) 10.00 pagi	DRB-HICOM Berhad (EGM)	Kumpulan mencadangkan pemerolehan sebanyak 501,000 saham biasa, yang mewakili keseluruhan ekuiti dalam Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd, pada harga US\$95.2 juta secara tunai, daripada Spirit AeroSystems, Inc. dan Spirit AeroSystems International Holdings, Inc.

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Key Asic Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan berakhir 2025, Kumpulan merekodkan kerugian bersih sebanyak RM6.79 juta, satu peningkatan ketara berbanding dengan kerugian bersih sebanyak RM10.77 juta pada tahun kewangan berakhir 2024. Kemajuan ini mencerminkan disiplin kos yang lebih kukuh, gabungan projek bernilai lebih tinggi, serta tumpuan berterusan kepada teknologi maju yang mempunyai potensi pendapatan jangka panjang. (Sumber: Halaman 9, Laporan Tahunan 2025) Berdasarkan Laporan Tahunan terdahulu yang tersedia di laman Bursa Malaysia, didapati bahawa Kumpulan telah mencatatkan kerugian setiap tahun sejak tahun kewangan 2020, yang mana mereka merekodkan kerugian bersih sebanyak RM17.91 juta. Bilakah Kumpulan dijangka kembali mencatatkan keuntungan dan apakah pemangkin utama yang akan mendorong pemulihan ini?
Sime Darby Berhad (AGM)	Di Taiwan, semua tayar yang tamat hayatnya dikitar semula menjadi aspal getah dan produk getah terpulih guna. Di Australia, Sime Motors menukarkan tayar terpakai kepada butiran getah untuk pembuatan permukaan sukan dan rekreasi, mengalihkan kira-kira 48 tan tayar daripada tapak pelupusan di Queensland sahaja. Usaha ini menunjukkan komitmen Kumpulan terhadap ekonomi kitaran yang mengurangkan kesan alam sekitar dalam pasaran utama. a) Apakah strategi Kumpulan untuk mengembangkan program kitar semula tayar selain Taiwan dan Australia, dan wilayah manakah yang menjadi sasaran fasa seterusnya? b) Memandangkan terdapat cabaran untuk mengumpulkan data sisa secara manual, bilakah Kumpulan merancang untuk melaksanakan penjejakan sisa secara digital dalam semua operasinya? c) Bagaimanakah Kumpulan memperuntukkan bajet untuk program kitar semula tayar dan adakah terdapat sasaran kewangan tertentu untuk meningkatkan kecekapan kos?
Samaiden Group Berhad (AGM)	Secara keseluruhan, portfolio solar berskala besar Samaiden berjumlah kira-kira 132.59 MWac yang bernilai RM435.75 juta, menyumbang kepada buku pesanan tertinggi dalam sejarah, yang berjumlah RM699.2 juta. Buku pesanan ini bersamaan dengan lebih sekali ganda pendapatan untuk tahun kewangan 2024. (Sumber: Halaman 20, Laporan Tahunan 2025)

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	Berapakah bahagian daripada buku pesanan Kumpulan yang berjumlah RM699.2 juta ini dijangka diiktiraf sebagai pendapatan pada tahun kewangan 2026? Berapakah bahagian pula yang akan dibawa ke tahun kewangan 2027 dan tahun kewangan 2028?
Samaiden Group Berhad (EGM)	Cadangan pemerolehan dua (2) lot tanah pegangan pajakan selama 99 tahun di Teluk Intan, Perak dengan pertimbangan tunai berjumlah RM45.5 juta ("Cadangan Pemerolehan"): Memandangkan masih tiada projek pembangunan disahkan di atas tanah tersebut dan jumlah pelaburan projek masih belum dapat ditentukan, bagaimanakah Lembaga menilai jangkaan tempoh pulangan modal atau pulangan pelaburan (ROI) untuk cadangan pemerolehan ini pada peringkat semasa?

Share Fest!

Festival for Minority Shareholders

Supported by:



**SATURDAY
22 NOVEMBER 2025**

HERITAGE VALLEY KL

(NEAR QUILL CITY MALL)

9:00 A.M - 6:00 P.M

Lucky Draw



**Food
Bazaar**



**TED
Talk-style
Sessions**



**Food
Trucks**



**Free
Health
Check^{Up}**



**Pop Up
Zone**



**Flea
Market**



**Free
Relaxing
Massage**



**Free
Stuffs**

**Meal
Coupon***



**Door
Gift***



**REGISTER
NOW**



**EVENT
BROCHURE**

* For the first 300 pax.
Terms & conditions apply.



@MSWGMalaysia

mswg.org.my








Business Continuity Management Masterclass

Building Resilience, Ensuring Rapid Recovery, and Sustaining Operations

 **24 & 25 NOVEMBER 2025**
MONDAY & TUESDAY
  **9.00 AM - 5.30 PM**

 **THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR**



Scan the QR Code to register





@MSWGMalaysia

mswg.org.my








*Applicable for early bird & group registrations only

Reading Between the Lines Making Sense of Financial Statements for Non-Accountants

 **9 DECEMBER 2025**
WEDNESDAY
  **9.00 AM - 5.00 PM**

 **AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KUALA LUMPUR**



Scan the QR Code to register





@MSWGMalaysia

mswg.org.my

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.